



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KEMPEN ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL KPWKM BERJAYA TINGKATKAN KESEDARAN MASYARAKAT

JOHOR, 19 November - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini melengkapkan siri Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual (AAGS) bagi tahun 2023 ke seluruh negara dengan Johor menjadi destinasi terakhir program. Program telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa PERSADA, Johor Bahru.

Program ini merupakan kesinambungan kepada Majlis Pelancaran Jerayawara Advokasi Antigangguan Seksual peringkat kebangsaan yang telah dirasmikan di Putrajaya pada 29 Mei 2023 yang lalu. Program AAGS ini telah berjaya mencapai objektifnya untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran berkaitan antigangguan seksual kepada masyarakat. Ini berdasarkan dapatan soal selidik yang dijalankan oleh KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melibatkan 14,526 responden yang mendapati 97.6% daripada responden telah mencapai tahap kefahaman tinggi berkaitan Antigangguan Seksual.

Sehingga kini dianggarkan kira-kira 3.5 juta orang telah mendapat maklumat kesedaran antigangguan seksual menerusi 65 program iaitu melibatkan 52 program advokasi dan 13 program Jerayawara serta penyebaran maklumat melalui media massa, media cetak, media elektronik dan media sosial.

Kempen AAGS ini juga telah berjaya meningkatkan kesedaran orang ramai bagi melaporkan kes berkaitan gangguan seksual. Ini berdasarkan jumlah kes yang

dilaporkan kepada Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) sewaktu pelaksanaan 13 Program Jerayawara sebelum ini iaitu sebanyak 1,317 kes berbanding kes yang dilaporkan kepada PDRM iaitu sebanyak 477 kes pada tahun 2022. Daripada 1,317 kes yang dilaporkan, 368 kes (28%) daripadanya melibatkan mangsa lelaki. Ini menunjukkan bahawa mangsa termasuk golongan lelaki mula berani tampil untuk membuat aduan berkaitan gangguan seksual.

Sepanjang siri Jerayawara AAGS ini dilaksanakan, KPWKM juga telah memperkukuhkan kerjasama strategik dengan agensi Kerajaan mahupun swasta serta Persatuan Bukan Kerajaan (NGO) sama ada di peringkat Persekutuan mahupun negeri. Antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selain agensi swasta seperti Express Rail Link Sdn. Bhd (ERL), RHB Bank, KPJ Health dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

KPWKM menyeru semua pihak agar terus berkongsi maklumat mengenai Advokasi Antigangguan Seksual bagi memastikan lebih ramai memahami tentang perkara ini. KPWKM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan 14 siri Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual (AAGS) ini.

Turut hadir dalam program ini YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM dan YB Hajah Khairin Nisa Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor serta pegawai-pegawai kanan Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
19 NOVEMBER 2023**